

MAJLIS PENUTUP KARNIVAL SUKAN ANTARA SEKSYEN



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5405-majlis-penutup-karnival-sukan-antara-seksyen

KUANTAN, 6 Sep 19 – Pangkalan Udara Kuantan telah menganjurkan Karnival Sukan 2019 selama tiga minggu bermula pada 19 Ogos sehingga 6 Sep 19 yang melibatkan tujuh acara sukan dipertandingkan iaitu Ragbi, Bola Sepak, Sepak Takraw, Badminton, Pentanque, Bola Tampar, dan Ping Pong.

Kuantan Run 10KM telah menjadi acara penutup bagi Karnival sukan pada tahun ini dan dirasmikan oleh Pegawai Eksekutif Pangkalan, Lt Kol Anuar bin Jamaludin TUDM. Turut hadir Pegawai-pegawai Eksekutif Pangkalan serta warga Pangkalan.

Johan keseluruhan disandang oleh Skn 320 dengan memperolehi mata terkumpul sebanyak 40 mata, manakala Naib Johan pula disandang oleh gabungan INSPRA, Caw Ops dan BOMBA dengan 37 mata dan tempat ketiga disandang oleh Skn 401 GBAD dengan 25 mata.





